



# BORANG PENYERTAAN JOM TEROKA SELAYANG



**TARIKH : 27 OGOS 2023 (AHAD)**

**MASA : 6.30 PAGI HINGGA 5.30 PETANG**

**TEMPAT : PERKARANGAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

## **PERATURAN:**

1. Setiap pasukan terdiri **4 ORANG PESERTA** dan **DIWAJIBKAN** sekurang-kurang seorang peserta **WANITA**.
2. Kos minyak dan tol adalah di bawah tanggungan peserta.
3. Kenderaan yang dibenarkan adalah dari jenis **KERETA/VAN/MPV/4WD** yang mempunyai empat roda sahaja. Kenderaan jenis **LORI** tidak dibenarkan.
4. Peserta diwajibkan melekatkan *sticker* yang akan dibekalkan di badan kenderaan masing-masing dan *sticker* perlu melekat sehingga ke garisan penamat. Markah akan ditolak sekiranya *sticker* tercabut dari kenderaan.
5. Peserta dikehendaki memandu kenderaan mengikut **HAD LAJU KEBANGSAAN** semasa di atas jalan raya.
6. Pihak urusetia tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang tindakan oleh mana-mana pihak berkuasa lain.
7. Keselamatan diri adalah tanggungjawab sendiri setiap peserta.
8. Markah akan **DITOLAK** sekiranya peserta **MELANGGAR PERATURAN** yang ditetapkan.
9. Apabila tiba di garisan penamat, setiap pasukan perlu menyerahkan semua jawapan/barangan/tugasan yang telah dikumpulkan dari permulaan perlumbaan hingga akhir.
10. Skor akan dikira berdasarkan bilangan jawapan/barangan/tugasan yang berjaya diselesaikan sehingga ke garisan penamat mengikut masa yang ditetapkan dan bukan mempertimbangkan kumpulan pertama yang sampai.
11. Walau bagaimanapun, penganjur akan menetapkan *cut off time* bergantung kepada masa pelepasan bagi setiap pasukan (*flag off*). Ini bagi mengelakkan kelewatan pasukan bermula dan berakhir.
12. Markah juga akan **DITOLAK** bagi pasukan yang tiba **SELEPAS CUT OFF TIME** tersebut.
13. Pasukan yang tiba **30 MINIT SELEPAS CUT OFF TIME** akan tersingkir (DQ).
14. Semua jawapan hendaklah direkodkan dalam *booklet* yang telah disediakan dan diserahkan kepada urusetia di garisan penamat (*ending point*).
15. Keputusan pengadil adalah **MUKTAMAD** dan tiada sebarang bantahan akan dilayan.



# BORANG PENYERTAAN JOM TEROKA SELAYANG



PERKARA	MAKLUMAT
Penyertaan	<input type="checkbox"/> <b>JKP Zon</b> _____ <input type="checkbox"/> <b>Agensi</b> _____ <input type="checkbox"/> <b>Orang Awam</b> _____
Nama Pasukan	
Jenis & Model Kenderaan	
No. Pendaftaran Kenderaan	
No. Cukai Jalan Raya / Tarikh Tamat Tempoh	

MAKLUMAT PESERTA		NO. KAD PENGENALAN	NO TELEFON	SAIZ TSHIRT
<b>PESERTA 1</b> Ketua Pasukan / Pemandu				
<b>PESERTA 2</b> Pemandu Arah				
<b>PESERTA 3</b> Penumpang 1				
<b>PESERTA 4</b> Penumpang 2				

- **Yuran penyertaan** pasukan adalah sebanyak **RM150.00** sahaja.
- Bayaran yuran hendaklah dibuat melalui **online transfer** kepada MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (**BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD : 14069010009955**) dengan catitan "**JOM TEROKA SELAYANG**" di bahagian rujukan bayaran.
- **Tarikh tutup penyertaan** adalah pada **11 OGOS 2023 (JUMAAT)**.
- Borang yang telah lengkap dan resit bayaran yuran penyertaan hendaklah dihantar melalui emel [jpm@mps.gov.my](mailto:jpm@mps.gov.my).
- Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan urusetia iaitu **En. Wan Salahuddin bin Wan Yaakob** atau **Pn. Nanthini a/p Gopal** di talian **03-6126 5810 / 03-6126 5811**.



# BORANG PENYERTAAN JOM TEROKA SELAYANG



## DEKLARASI

Saya / Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya / kami akan mematuhi segala syarat dan peraturan acara **JOM TEROKA SELAYANG**. Saya / Kami juga mengaku bahawa saya / kami dalam keadaan sihat dan menyertai acara ini di atas risiko sendiri dan tidak akan mengganggu pihak penganjur, penaja dan semua ejen yang berkaitan dengan pihak penganjur untuk apa jua kecederaan yang mungkin ditanggung sebelum, semasa atau selepas acara dijalankan. Saya / Kami juga bersetuju bahawa keputusan pihak penganjur adalah muktamad dan tiada rayuan/bantahan akan dibuat. Saya / Kami juga memberi persetujuan untuk penggunaan gambar, nama dan suara saya / kami dalam apa-apa penyiaran dan promosi pengiklanan atau untuk tujuan lain yang berkaitan dalam acara ini.

Saya / Kami akan bertanggungjawab dan bersetuju untuk melindungi pihak penganjur, penaja, anak-anak syarikat, rakan-rakan niaga dan mereka yang berkaitan dengan penganjur daripada apa jua tuntutan atau permintaan yuran guaman terhadap sebarang kecederaan, kemalangan atau kematian kepada diri sendiri atau pihak ketiga atau kerosakan atau kerugian yang ditanggung untuk kenderaan diri sendiri / pihak ketiga yang digunakan dalam acara ini. Saya / Kami juga mengakui bahawa kenderaan yang digunakan semasa acara ini dijalankan dilindungi oleh insurans dan cukai jalan yang dibayar dengan sewajarnya sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang Malaysia.

.....  
Tandatangan  
Ketua Pasukan/Pemandu  
TARIKH : .....

.....  
Tandatangan Pemandu Arah  
TARIKH : .....

.....  
Tandatangan Penumpang (1)  
TARIKH : .....

.....  
Tandatangan Penumpang (2)  
TARIKH : .....